

INFOKUS




JUN 2019 | Bil. 67
www.umt.edu.my

AKUATROP
Peneraju Teknologi
Penghasilan Benih
Ketam Bakau

**Sentuhan
Sasterawan Negara
di Pulau Perhentian**

**Penerbit UMT Gegar
Reruai MAPIM di
PBAKL 2019**

**TERKINI
DI PASARAN**



TASIK KENYIR

STUNNING BEAUTY AND ITS BIODIVERSITY

Penyunting

: Mohd Tajuddin Abdullah
Nur Amalina Adanan
Amirah Azizah Zakaria
Nur Izzah Izzati Ahmad
Azuan Roslan

**Tahun
Terbitan**

: 2019
: Penerbit UMT

like and follow us on



penerbitumt

Sidang Redaksi



Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar



Ketua Pengarang

YH Prof. Dato' Dr. Noraien Mansor



Editor

Mohd Afifullah Ahmad



Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Penolong Editor

Mohamad Nuraidil Zakaria
Nazarudin Othman

Pembaca Pruf

Nurul Ain Mohd Noor

Jurufoto

Krew Media Kreatif

Kandungan

| | |
|----|--|
| 4 | AKUATROP Peneraju Teknologi Penghasilan Benih Ketam Bakau |
| 6 | Sentuhan Sasterawan Negara di Pulau Perhentian |
| 8 | UMT Menjejaki Bumi Frankfurt Memartabatkan Bahasa Melayu |
| 10 | Penerbit UMT Gegar Reruai MAPIM di PBKAL 2019 |
| 12 | PPSA Tinjau Potensi Sangkutan Industri di MARDI |
| 14 | Naib Canselor Raikan Alumni Staf |
| 16 | STEM UMT Raih 3 pingat emas di MTE |
| 18 | Pemuaifikatan Pendidikan Pertingkat Ilmu STEM Luar Bandar |
| 20 | Teknologi Rapid Biofloc Tarik Minat Pengusaha Akuakultur |
| 22 | Monsoon Camp Perkukuh Hubungan UMT-NTOU |
| 24 | Pusat Asasi STEM UMT Hoskan Program Mobiliti Pelajar |
| 26 | Franco-Tour Terengganu Perkukuh Penguasaan Bahasa Perancis |
| 28 | MUTIARA dan BERKAT Cakna Kesihatan |
| 30 | Pelajar PPSTM Ungguli Hujah Spontan |
| 32 | Kejohanan Sukan Inter Asasi Pentas Lahirkan Graduan Seimbang |
| 34 | IFOMSA 2019 Rungkai Amalan Akuakultur Mampan |
| 35 | Renungan |

AKUATROP

Peneraju Teknologi Penghasilan Benih Ketam Bakau

oleh: Mhd Ikhwanuddin Abdullah
Syahnon Mohammad
Institut Akuakultur Tropika

AKUATROP merupakan salah satu pusat kecemerlangan di UMT yang memfokuskan penyelidikan dalam bidang akuakultur terutama krustasia marin. Selain berfungsi sebagai pusat penyelidikan, AKUATROP juga berperanan mengembangkan dan memindahkan ilmu hasil daripada penyelidikan yang bermanfaat kepada komuniti dan industri tempatan.

Di AKUATROP, penyelidikan terhadap krustasia marin telah bermula sejak tahun 2010 lagi di mana fokus utama telah diberikan kepada beberapa spesies ketam portunid seperti ketam bakau atau ketam nipah dan ketam bunga atau dikenali juga dengan nama ketam renjong.

Kajian yang dijalankan melibatkan pelbagai aspek biologi seperti taburan dan limpahan spesis di kawasan semula jadi serta biologi pembiakan. Selain itu, bagi memastikan kelestarian sumber semula jadi spesies ini, AKUATROP telah membangunkan teknologi pembiakkbaaan ketam portunid di hatchery yang diketuai oleh Timbalan Pengarah AKUATROP, Profesor Dr. Mhd Ikhwanuddin Abdullah yang turut dibantu oleh pegawai sains dan penolong pegawai perikanan.

Kepakaran berkaitan bidang krustasia marin umumnya dan ketam portunid khususnya telah terbukti melalui pelbagai penerbitan jurnal ilmiah berimpak tinggi dan telah menjadi bahan rujukan di dalam dan luar negara.

AKUATROP juga telah menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti Jabatan Perikanan Malaysia, Bahagian Perikanan Darat, Jabatan Pertanian Sarawak dan Institusi Pengajian Tinggi serta pemain industri tempatan yang menceburi bidang

ternakan ketam bakau. Terkini, AKUATROP telah diminta oleh Jabatan Perikanan Malaysia dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Air Payau, Gelang Patah untuk membekalkan benih ketam renjong sebanyak 15,000 ekor sebulan secara berkala bagi memenuhi aspirasi Ketua Perikanan Malaysia untuk projek perintis kepada Komuniti Perikanan (myKP) di Johor, Negeri Sembilan dan Terengganu.

Menyedari akan kepentingan ketam portunid kepada negara umumnya dan industri akuakultur khususnya, AKUATROP telah menganjurkan Kursus Pemberian Ketam Portunid Siri 1 pada 22 – 25 Julai 2018. Kursus yang pertama kali dianjurkan ini menyasarkan 10 orang dan telah menarik minat seramai 15 orang peserta daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan karier termasuklah seorang peserta dari negara Brunei.

Berikutan permintaan berterusan daripada pihak industri dan penternak tempatan kepada AKUATROP untuk memberi tunjuk ajar berkaitan ternakan dan penghasilan benih ketam bakau, Seksyen Pembiakkbaaan dan Fisiologi, AKUATROP sekali lagi telah menganjurkan Kursus Pemberian Ketam Portunid Siri 2 pada 1 – 4 April 2019 bertempat di AKUATROP. Kursus Pemberian Ketam Portunid Siri 2 ini telah disertai seramai 18 orang peserta iaitu 15 orang peserta tempatan, 2 dari Indonesia dan seorang dari Thailand yang terdiri daripada syarikat swasta, penternak persendirian, agensi kerajaan serta pensyarah dan pelajar.

Sambutan yang memberangsangkan dan maklum balas yang positif telah diberikan oleh para peserta melalui penganjuran kursus seumpama ini. Diharap Siri Kursus Pemberian Ketam Portunid dapat dianjurkan lagi secara

berterusan di masa akan datang bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemain industri yang menceburi bidang ternakan ketam portunid selaras dengan aspirasi AKUATROP untuk menjadi pusat rujukan serantau dalam sektor akuakultur umumnya dan bidang krustasia marin khususnya.



1



2



3



4



5



- Para peserta berpeluang untuk mengikuti latihan amali berkaitan penggecaman penyakit pada ketam semasa kelas amali "Pengurusan kesihatan ternakan ketam portunid" yang diselia oleh Prof. Madya Dr. Marina Hassan.
- En. Azmie Ghazali sedang membuat demonstrasi kaedah pengenalpastian spesies ketam bakau di Malaysia, penentuan kematangan induk dan pemilihan induk ketam yang berkualiti untuk tujuan penghasilan benih ketam semasa sesi kelas amali di Makmal Persediaan, Hatcheri AKUATROP.
- Induk ketam yang berkualiti tinggi dan bebas daripada penyakit, jumlah telur yang banyak dan sihat dipilih untuk aktiviti penghasilan benih di Hatcheri AKUATROP
- Sebahagian kemudahan tangki dan peralatan lain yang terdapat di Hatcheri AKUATROP untuk aktiviti penghasilan benih ketam portunid.
- En. Zaidi Ibrahim menunjukkan anak-anak ketam bakau yang telah berjaya dihasilkan di Hatcheri AKUATROP, UMT.

Sentuhan Sasterawan Negara

DIPULAU PERHENTIAN

oleh: Mohd Afifullah Ahmad
Penerbit UMT



Perjalanan ke Shari-La Island Resort, Pulau Perhentian disapa dengan gelombang di kala bot yang kami naiki meredah samudera. Jiwa peserta turut bergelojak seakan hampasan ombak yang mengiringi semangat kami untuk menyertai Bengkel Penulisan Puisi bersama Sasterawan Negara.

Bengkel yang julung kali dianjurkan ini adalah sebahagian langkah bagi menyahut saranan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee Malik bagi penyepaduan sastera dan sains dengan menempatkan golongan Sasterawan Negara di Universiti Awam seluruh Malaysia.



Secara peribadi, Pengarah Penerbit UMT, Profesor Dato' Dr. Noraien Mansor telah dipertanggungjawabkan oleh Naib Canselor UMT, Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar untuk mengadakan satu program pemindahan ilmu yang melibatkan Sasterawan Negara.

Bengkel yang berlangsung pada 23 hingga 25 April 2019 ini telah dikendalikan oleh Profesor Dr. Muhammad Haji Salleh. Figura berjiwa besar yang ditampilkan oleh Penerbit UMT ini telah dianugerahkan gelaran Sasterawan Negara pada tahun 1991. Selain itu, insan hebat ini turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Penulis

Asia Tenggara selain Tokoh Akademik Negara yang diraih pada tahun 2008.

Para peserta ternyata beruntung kerana pelbagai input dan kemahiran dituai menerusi perkongsian ilmu hasil pengalaman puluhan tahun Profesor Dr. Muhammad Haji Salleh berkecimpung dalam gelanggang seni ini.

Dalam bengkel ini juga, para peserta telah dibimbing untuk menyedia dan menyiapkan kompilasi puisi yang dinamakan "Antologi Samudera". Kompilasi ini akan dibukukan sekali gus menonjolkan citra bidang tujuan UMT melalui cabang penerbitan.

UMT Menjejaki Bumi Frankfurt **Memartabatkan Bahasa Melayu**

oleh: Prof. Madya Dr. Noor Rohana Mansor
Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman pada 25 dan 26 Mac 2019 telah bergema menerima kunjungan delegasi dari wakil-wakil universiti dan institusi pendidikan guru seluruh dunia bagi sama-sama menyokong usaha memartabatkan Bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa.



Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua 2019 (SAPBaSBUM 2) telah dilaksanakan sepenuhnya dalam bahasa Melayu selama dua hari, dianjurkan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGKI), Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Seminar bertemakan Pembangunan dan Cabaran Masa Depan Pendidikan Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu telah menarik perhatian peserta dan pejuang seminar dengan pembentangan sejumlah 155 kertas kerja di bawah sembilan subtema dan berlangsung dengan jayanya.

Ucap utama ‘Memartabatkan Bahasa Melayu di Asia Tenggara’ oleh Prof. Dr. Arndt Graf (Universiti Goethe) dan ‘Kesusasteraan Melayu sebagai Penanda Kebangkitan Pemikiran Zaman’

oleh Dr. Mohd. Hanafi Ibrahim (DBP) telah memberi impak kesedaran tentang perjuangan kebahasaan Melayu oleh penyelidik asing sangat menghargainya manakala ketinggian nilai-nilai pemikiran dalam seni sastera dan budaya Melayu telah dibangkitkan sejak zaman silam lagi. Turut membentangkan kertas kerja wakil UMT, Prof. Madya Dr. Noor Rohana Mansor bertajuk ‘Membudayakan Pemikiran Aras Tinggi dalam Pendidikan Bahasa Melayu: Satu Cadangan Resolusi’, mengulas isu kelemahan fokus dalam aspek pemikiran aras tinggi dalam pendidikan bahasa Melayu peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan pengenalan Model Kerangka Asas Berfikir sebagai resolusi penyelesaian isu yang telah sekian lama dialami. UMT telah berjaya diketengahkan sebagai sebuah institusi yang turut prihatin dalam perjuangan memartabatkan bahasa Melayu dengan cadangan inovasi yang disambut baik.

Justeru UMT turut terkesan dengan penganjuran seminar ini yang telah berjaya menyemarakkan aktiviti kebahasaan di peringkat global dalam memartabatkan bahasa Melayu. UMT turut menyumbang dalam perkongsian dan kelestarian ilmu dan kepakaran serta memantapkan penggunaan dan penerokaan penemuan baharu dalam kajian dan penyelidikan berdasarkan bidang pendidikan bahasa, sastera dan budaya Melayu. Malah seminar ini juga menjadi wadah dalam membina jaringan pintar dalam kalangan pendukung, pencinta dan aktivis bahasa, sastera dan budaya Melayu pada peringkat antarabangsa. Perkongsian ini diharapkan akan menyemarakkan lagi usaha pengembangan dan pemartabatan bahasa Melayu yang pernah diungguli sebagai lingua franca suatu ketika dahulu.



Penerbit UMT Gegar Reruai MAPIM di **PBAKL 2019**

oleh: Azeeha Ibrahim
Norma Haji Malik
Penerbit UMT



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2019 telah berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula 29 Mac hingga 7 April 2019. Penganjuran besar-besaran ini diselia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) serta dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee Malik pada 30 Mac 2019.

“Saya secara peribadi telah memulakan kempen dengan berkongsi 10 buah judul buku saya paling gemari dengan #malaysiamembaca dan kemudian saya galakkan umum untuk

menyambungnya dengan berkongsi buku yang mereka gemari”, ujar beliau ketika majlis perasmian baru-baru ini.

PBAKL 2019 merupakan acara tahunan bagi penerbit-penerbit di seluruh Malaysia untuk mengetengahkan bahan-bahan ilmiah berkualiti yang menjadi wadah kepada pengunjung untuk memupuk semangat cinta kepada ilmu pengetahuan. Penganjuran kali ini adalah sejajar dengan kempen “KL Baca – Caring through Reading” yang menjadi agenda untuk memeriahkan Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia 2020.



Justeru, sebagaimana kelaziman, Universiti Malaysia Terengganu melalui Penerbit UMT tidak melepaskan peluang untuk turut sama memeriahkan PBAKL setiap tahun di bawah payung Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dengan mempamerkan bahan-bahan terbitan terkini bidang sains marin, sains teknologi, bahasa, pendidikan, agama dan lain-lain.

Penerbit UMT telah berjaya mengutip hasil jualan yang tinggi iaitu sebanyak RM22,163.54 pada kali ini berbanding RM4,337.06 pada tahun 2018. Ini menjadikan Penerbit UMT melonjak dari kedudukan 19 ke kedudukan 8 daripada 22 Penerbit yang mengambil bahagian.

“Saya mengharapkan jualan yang tinggi pada penyertaan kali ini dan kita berjaya!” ujar Pengarah Penerbit UMT, Profesor Dato’ Dr. Noraien Mansor.

Tiga buku terbitan UMT yang menjadi judul terlaris sepanjang PBAKL 2019 ialah buku *Etnik Cina Asal Sengsara Kini Selesa* dengan jualan sebanyak 215 naskhah, buku *Bahasa Mandarin* / terjual sebanyak 161 naskhah dan buku *Eh!! Media Sosial* sebanyak 105 naskhah.

Turut berlangsung di PBAKL 2019 adalah Majlis Anugerah Buku Negara 2019. Salah satu penerbitan UMT telah berjaya dinobatkan sebagai penerima Anugerah Buku Negara 2019, Buku Umum Terbaik (Kategori Pelancongan) iaitu buku *The Mesmerizing Pulau Redang: An Introduction to Its Ecology and Biodiversity* hasil suntingan Prof. Dato’ Dr. Mohd Tajuddin Abdullah, Gertrude David dan Muhammad Syamsul Aznan Arifin.

Kejayaan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada kali ini mendorong Penerbit UMT untuk terus mengekalkan prestasi cemerlang dalam penerbitan bahan ilmiah yang berkualiti bukan hanya di peringkat universiti malahan ke peringkat global.

PPSA Tinjau Potensi Sangkutan Industri di MARDI

Oleh: Dr. Fazilah Ariffin
Pusat Pengajian Sains Asas

Seramai tujuh orang ahli akademik dari Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA) telah mengikuti lawatan ke Stesen Penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Jerangau, Hulu Terengganu. Matlamat lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai kelengkapan makmal, teknologi serta plot-plot tanaman yang terdapat di Stesen Penyelidikan MARDI Jerangau dan Kuala Terengganu.

Lawatan yang diadakan pada 21 Mac 2019 ini juga bertujuan untuk mengenal pasti penempatan 'Work Based Learning' atau latihan industri kepada pelajar PPSA, selain membincangkan mengenai peluang untuk mengadakan program sangkutan industri ahli akademik PPSA di MARDI.

Untuk rekod, Stesen Penyelidikan MARDI Jerangau mempunyai keluasan 400.6 hektar dan terlibat terutamanya dalam bidang pertanian dan penyelidikan berdasarkan buah-buahan, tanaman herba, pengurusan pemuliharaan biodiversiti sumber genetik tanaman dan juga "germplasm". "Germplasm" adalah pemeliharaan sumber genetik herba dan tumbuhan seperti benih atau tisu yang dikekalkan untuk tujuan pembiakan tumbuhan dan lain-lain kegunaan penyelidikan

Rombongan PPSA telah dibawa melihat plot-plot tanaman sedia ada seperti pisang, duku dan dokong, buah-buahan nadir serta tumbuhan ubatan dan ulaman.



Dekan PPSA, Prof. Dr. Aziz Ahmad menyampaikan cenderamata dari UMT kepada Pengarah Mardi Terengganu, En. Fazlirahimi Ismail

Hasil lawatan ini dijangka menguatkan lagi kerjasama penyelidikan antara UMT dan MARDI lantas meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dalam bidang pertanian dan bioteknologi.



Kepelbagai tumbuhan herba/ubatan dipamerkan.



Tanaman buah-buahan nadir seperti buah melaka yang terdapat di Stesen Penyelidikan Mardi Jerangau.



Duku Terengganu antara yang ditanam di Mardi Jerangau.



Ganda rusa hitam merupakan antara sejenis tumbuhan herba yang mempunyai khasiat perubatan yang tinggi.



Kepelbagai spesies pisang yang ada di Mardi Jerangau.

NAIB CANSelor **RAIKAN ALUMNI STAF**

oleh: Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman
Kolej Siswa



Seramai hampir 100 orang alumni yang terdiri dari warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersama-sama Naib Canselor UMT dalam Majlis Sembang Santai bersama alumni yang diadakan di Anjung Alumni, Kompleks Siswa, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMT.

Naib Canselor UMT, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar berkata, program Sembang Santai Alumni 2019 diadakan bertujuan untuk memperkasakan komunikasi dua hala antara pengurusan atasan dan medium UMT.

Selain itu, ianya menjadi platform untuk menfokuskan hala tuju UMT dan seterusnya mempromosikan persatuan alumni UMT yang diterajui oleh Presiden Alumni UMT, Mohd Khairul Hakimi Mohd Nawi.

"Persatuan alumni merupakan salah satu tunjang utama untuk menjayakan hala tuju sesebuah universiti. Sumbangan alumni amatlah diperlukan sama ada dari segi kepakaran, ilmu

yang bermanfaat dan apa juu bentuk sumbangan dalam bentuk *endowment* serta *wakaf*", ujar Prof. Dato' Dr. Nor Aieni lagi.

Beliau turut menambah, alumni merupakan kekuatan dalaman universiti dan mereka adalah antara peneraju yang menyumbang perkhidmatan dan kepakaran dalam bidang masing-masing dalam memenuhi visi dan misi universiti.

Prof. Dato' Dr. Nor Aieni turut berkesempatan mengunjungi konti UMT.fm. Ianya berfungsi sebagai wardah penyalur dan perkongsian maklumat universiti bersama pelajar. Selain itu, ia berperanan sebagai pusat latihan bagi pelajar mengasah bakat dalam bidang pengacaraan dan penyiaran radio.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah kesemua barisan pengurusan tertinggi universiti termasuklah Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof. Ts Dr. Che Ruzaidi Ghazali dan Pengarah Pusat Alumni, Prof. Madya Ts Dr. Mohamad Rosni Othman.



STEM UMT Raih 3 pingat emas di MTE

oleh: Prof. Madya Dr Laili Haji Che Rose
Pusat Asasi STEM



Pasukan STEM UMT telah meraih kemenangan besar apabila berjaya mendapat 3 pingat emas di Malaysian Technology Expo (MTE) yang diadakan di Putra World Trade Centre (PWTC) pada 21 hingga 23 Februari 2019.

Kesemua pingat emas dirangkul menerusi tiga pertandingan yang disertai iaitu anugerah STEM Mentor Mentee Awards 2019, STEM Teaching Innovation Awards 2019 (Modul English) dan STEM Teaching Innovation Awards 2019 (Modul Ilmu Kelautan dan Akuatik).

Bagi Anugerah STEM Mentor Mentee yang dimenangi, kejayaan yang dicapai adalah merupakan satu penghargaan kepada pelajar sulung Asasi STEM UMT serta para pensyarah yang terlibat sebagai fasilitator yang bertungkus lumus menyumbang sama ada dari segi idea, tenaga dan kepakaran menjayakan program Mentor Mentee STEM UMT bersama dengan 20 buah sekolah angkat STEM UMT sepanjang tahun 2018 dan 2019.

Melalui usaha ini, didapati kajian keberkesanan Program Mentor Mentee STEM menunjukkan impak positif di mana kebanyakan sekolah angkat STEM UMT telah menunjukkan peningkatan bilangan murid yang memilih masuk ke aliran sains tulen apabila memasuki ke tingkatan 4.

Manakala bagi 60 orang pelajar sulung Asasi STEM UMT, program sebegini telah dapat membina pelbagai skil seperti kepimpinan, berfikiran secara kreatif dan kritis, berkomunikasi dengan baik dan membina keyakinan diri yang tinggi.

Dua pingat emas yang diperoleh menerusi Anugerah STEM Teaching Innovation Awards 2019 melalui aktiviti modul English dan Modul Ilmu Kelautan dan Akuatik telah membuktikan keberkesanan program Teaching Innovation dalam pengajian tinggi, industri, sekolah, fasilitator, serta mentor mentee dan sekali gus meningkatkan kebolehan pelajar dalam kemahiran berkomunikasi.



1. Meraikan 3 pingat emas yang dimenangi.
2. Pelajar Asasi STEM sedang memberi jawapan kepada soalan yang diajukan oleh pengadil pertandingan.

Pemuafakatan Pendidikan **Pertingkat Ilmu STEM Luar Bandar**

oleh: Dr. Nur Baini Ismail
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

Dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), penguasaan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) khususnya dalam kalangan pelajar luar bandar perlu diperingkatkan.

Menyedari kepentingan STEM khususnya dalam penguasaan ilmu matematik, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan (PPIMG) menyantuni seramai 195 pelajar dan ibu bapa SMK Kuala Jengal, Kuala Dungun dalam majlis Pemuafakatan Pendidikan yang diadakan pada 23 April 2019 yang lalu.

Program sehari yang diadakan di SMK Kuala Jengal ini adalah bersempena Hari KoKurikulum sekolah tersebut. SMK Kuala Jengal merupakan sekolah luar bandar dan proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) adalah terhad kerana sekolah tersebut tidak mempunyai makmal komputer serta capaian internet.

Menerusi pelaksanaan program ini, dijangka dapat menarik minat pelajar untuk meneroka bidang STEM terutamanya Matematik walaupun proses PDP dijalankan menggunakan sumber yang terhad. Program ini juga melibatkan penyertaan ibu bapa bagi sama-sama menyokong hasrat sekolah untuk memberi pendidikan yang terbaik buat anak-anak.



Pelbagai aktiviti telah diadakan untuk pelajar dan ibu bapa sepanjang program berlangsung yang mendapat kerjasama dari tiga kelab pelajar PPIMG iaitu Himpunan Mahasiswa Matematik (HIMMAT), Kelab Komputer Teknologi (COMTech) dan Persatuan Siswazah Informatik dan Sains Matematik (PRISMA). Program ini juga mendapat kerjasama dari Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan percuma kepada ibu bapa dan guru-guru di SMK Kuala Jengal.



2



3

1. *Dr. Che Mohd Imran bin Che Taib menyampaikan ceramah kepada ibu bapa dan pelajar.*
2. *Pelajar PRISMA yang menjadi fasilitator kepada pelajar dalam aktiviti LDK.*
3. *Saringan kesihatan kepada ibu bapa dan guru oleh PKU.*

Teknologi Rapid Biofloc

Tarik Minat Pengusaha Akuakultur

oleh: Prof. Madya Dr. Nor Azman Kasan
Ahmad Ideris Abd Rahim
Amyra Suryatie Kamaruzzan
Ahmad Najmi Ishak
Institut Akuakultur Tropika

Pada 26-27 Mac 2019, Seksyen Pengurusan Kualiti Air dan Pemakanan Organisma Akuatik, Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) telah menganjurkan Bengkel Aplikasi Teknologi Biofloc dalam Industri Akuakultur yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Nor Azman Kasan.

Bengkel ini dianjurkan bagi memberi pendedahan, tunjuk ajar dan latihan kepada rakan industri AKUATROP (MOA), kakitangan kerajaan, pihak swasta, pelajar, penternak dan pengusaha

akuakultur dalam meningkatkan kualiti industri akuakultur. Bengkel ini merangkumi aspek prinsip aplikasi biofloc, penghasilan biofloc, kaedah pelaksanaan, kaedah pemantauan dan analisa keberkesanan teknologi biofloc terhadap ternakan dan kawalan alam sekitar.

Teknologi biofloc dalam perusahaan ternakan akuatik merupakan sistem yang dibangunkan untuk mencegah penyakit daripada bawaan sumber air ternakan. Teknologi ini terus berkembang dan turut digunakan sebagai



Peserta menyediakan media untuk penghasilan inoculum biofloc.



Peserta diajar cara mengaplikasikan teknologi biofloc dalam sistem ternakan.

sistem untuk rawatan air buangan ternakan bagi meningkatkan kawalan pencemaran terhadap alam sekitar dan juga sebagai sumber makanan tambahan kepada ternakan.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Pengarah AKUATROP, YBhg. Prof. Dr. Abol Munafi Ambok Bolong dan ucaptama bagi bengkel ini telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin Abdullah, Timbalan Pengarah AKUATROP. Inti pati ucaptama tersebut adalah mengenai peranan AKUATROP dan UMT dalam membangunkan industri akuakultur di Malaysia. Seramai 19 orang peserta dari Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Pertanian Sarawak, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaya, pengusaha ternakan tempatan dan pengusahaan ternakan dari luar negara iaitu dari Maharashtra, India telah menyertai program ini. Latarbelakang para peserta adalah pelbagai yang terdiri daripada pengusaha akuakultur, pensyarah, jurutera, pegawai perikanan, pegawai penyelidik dan juga pelajar.

Melalui bengkel ini, para peserta telah didedahkan dengan teori dan praktikal secara berkumpulan. Teori 1 menerangkan tentang prinsip utama Teknologi Biofloc dan Teori 2 berkaitan Penghasilan Sistem Biofloc, Aplikasi Sistem Biofloc, Pemantauan Sistem Biofloc dan Kaedah Penilaian Efektif Sistem Biofloc. Bagi kelas praktikal pula, para peserta diajar secara *hands on* penghasilan inoculum Rapid Biofloc termasuk penyediaan media dan inokulasi bakteria rapid biofloc iaitu bakteria khusus yang dihasilkan oleh UMT. Proses ini dilakukan di Makmal Mikrobiologi Organisma Akuatik, AKUATROP.

Seterusnya, para peserta diajar cara mengaplikasikan Rapid Biofloc di dalam sistem ternakan. Simulasi aplikasi Rapid Biofloc tersebut dilakukan di Hatcheri AKUATROP. Di akhir bengkel, peserta berpeluang membawa pulang produk Rapid Biofloc yang telah mereka hasilkan sendiri. Produk Rapid Biofloc telah diaplikasi di beberapa kolam ternakan udang dan ikan sebelum ini dan dijual pada harga RM300 sebotol berisi padu 500 ml.



Monsoon Camp

Perkukuh Hubungan UMT-NTOU

oleh: Suhairi Mazelan
Dr. Liew Hon Jung
Institut Akuakultur Tropika

Bersandarkan kepada memorandum persefahaman (MoU) antara UMT dan National Taiwan Ocean University (NTOU), hubungan dua hala ini semakin dieratkan lagi dengan penganjuran "2ND International Aqua - Science Programme UMT – National Taiwan Ocean University (NTOU)" bagi Musim Tengkujuh oleh Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) dan Pusat Antarabangsa UMT.

Berikutan kejayaan program "Summer Camp" pada tahun lalu, pihak NTOU dan Kementerian Pendidikan Taiwan telah berbesar hati untuk menaja seramai 12 orang lagi pelajar ijazahnya untuk menyertai program "Monsoon Camp" yang telah diadakan pada 13 hingga 26 Januari 2019. Sepanjang perjalanan program ini, para peserta telah diberikan pengetahuan berharga mengenai pelbagai cabang ilmu dalam bidang akuakultur



2

1. Para pelajar NTOU sungguh bertuah kerana berpeluang untuk beramah mesra dan bergambar bersama YB. Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia senasa lawatan beliau ke UMT.
2. Para pelajar NTOU tekun ketika menjalani kursus dan latihan amali dalam bidang akuakultur di hatcheri dan di makmal penyelidikan AKUATROP.

dan perikanan melalui beberapa siri kuliah dan amali di AKUATROP.

Selain itu, para peserta berpeluang untuk melawat kawasan sekitar kampus dan kemudahan yang tersedia di UMT bagi menyuntik minat mereka untuk melanjutkan pelajaran di sini.

Selain di UMT, para pelajar NTOU ini juga telah dibawa melawat ke pelbagai destinasi pelancongan yang terdapat di Terengganu bagi mendedahkan mereka kepada kepelbagaiannya budaya yang terdapat di sini, antaranya Pasar Besar Kedai Payang, pasar pagi dan pasar malam di Kampung Cina, Masjid Kristal dan Pantai Rekreasi Batu Burok. Selain itu, mereka juga turut berkesempatan menaiki makmal bergerak UMT menyelusuri sekitar tasik dan beriadah bersama sang gajah di Santuari Gajah, di Tasik Kenyir.

Program ini diakhiri dengan lawatan bermaklumat bagi meninjau kegiatan akuakultur yang dilaksanakan di Malaysia antaranya ke Galeri Biodiversiti Akuatik, FRI Rantau Abang di Dungun, Lawatan ke Kolam Ternakan Udang di Kuala Kemaman dan Hatcheri Pemberian Udang di Kuantan, Pahang.

Sepanjang program ini dilaksanakan, AKUATROP menerima maklum balas positif dan mendapat perhatian Presiden NTOU, Prof. Dr. Cheng Ching-Fong yang menyifatkan UMT sebagai rakan yang paling aktif dalam melaksanakan aktiviti akademik bersama NTOU.



Pusat Asasi STEM UMT Hoskan Program Mobiliti Pelajar

oleh: Dr. Razifah Mohd Razali
Pusat Asasi STEM

Seramai 40 orang murid tingkatan empat dari SM Imtiaz Ulul Albab Melaka bersama lima orang guru pengiring telah mengikuti program mobiliti bersama Pusat Asasi STEM UMT pada 24 hingga 26 Mac 2019.

Program ini bermatlamat untuk memperkenalkan Program Asasi STEM UMT dalam kalangan murid-murid sekolah di samping memupuk minat dalam bidang sains tulen serta memberi pendedahan mengenai kepentingan sains dalam kehidupan. Program ini turut memberi peluang kepada peserta mengikuti

kuliah, amali, hafazan dan juga aktiviti sampingan yang dilalui oleh pelajar asasi STEM di kampus.

Sepanjang program ini, para peserta diberi peluang untuk menjalankan uji kaji ringkas di makmal dan ini merupakan aktiviti yang paling ditunggu-tunggu oleh peserta untuk mempraktikkan teori yang telah mereka pelajari.

Sesi kuliah, hafazan dan amali dikendalikan oleh para pensyarah manakala pelajar sulung Asasi STEM bertindak sebagai fasilitator serta dibantu oleh Pusat Sukan dan Rekreasi bagi aktiviti renang dalam slot riadah.



Para peserta diraikan dalam satu majlis makan malam sempena penutup program mobiliti ini yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua Muafakat SM Imtiaz Ulul Albab Melaka, Dato' Dr. Mohd Hafiz Yusoff, Pengarah Asasi STEM UMT, Prof. Madya Dr Laili Che Rose dan Pengetua SM Imtiaz Ulul Albab Melaka, Ustaz Azharizan Yaakob.

Penceramah terkenal, Dr. Farid Ravi Abdullah telah memeriahkan lagi majlis penutup yang turut diserikan dengan persembahan berasaskan sains dan al-Quran oleh para peserta.



Franco-Tour Terengganu **Perkukuh Penguasaan Bahasa Perancis**

oleh: Sh.Muzdalifah Syed Ahmad
Pusat Pendidikan Asas dan Liberal



Kedutaan Perancis bersama Pertubuhan Antarabangsa Negara-negara Penutur Bahasa Perancis (OIF) dengan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL), UMT telah menganjurkan Program Franco-Tour Terengganu pada 16 Mac 2019.

Franco-Tour diadakan sempena Minggu Bahasa Perancis di Malaysia di mana OIF Kuala Lumpur telah merangka pelbagai acara bagi mempromosikan kepelbagaiannya budaya negara-negara penutur bahasa Perancis di Malaysia di samping mempromosi bahasa Perancis.

Program ini telah disertai oleh lebih kurang 240 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai sekolah yang menawarkan bahasa Perancis di Terengganu iaitu SM Sains Sultan Mahmud, SBP Integrasi Batu Rakit, SM Sains Hulu Terengganu, SM Sains Dungun, SM Sains Setiu, SMK Sultan Sulaiman, SMK Sultan Omar serta UMT.

Program Franco-Tour Terengganu telah menyediakan platform untuk pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Perancis mempraktikkan bahasa yang dipelajari di samping mengenali



negara dan budaya beberapa negara penutur bahasa Perancis dengan lebih dekat.

Ia juga menjadi medan terbaik untuk para pelajar mempertingkat motivasi diri dalam pembelajaran bahasa Perancis selain memperkuuh pelbagai kemahiran insaniah yang dapat digarap melalui aktiviti yang diadakan seperti pertandingan menyanyi serta aktiviti permainan bahasa berdasarkan enam buah stesen.

Perasmian penutup Program Franco-Tour Terengganu telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Ghazali. Turut hadir, wakil Kedutaan Perancis di Malaysia, Puan Noémie Robin, dan wakil Kedutaan Romania di Malaysia, Puan Camelia N.Tudose.

Program Franco-Tour turut dilaksanakan di beberapa buah negeri iaitu Terengganu, Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kelantan, Pulau Pinang, Sarawak, Perak, Sabah, Selangor dan Negeri Sembilan.

1. Aktiviti bersama wakil kedutaan Perancis dan Kedutaan Romania di Malaysia.

2. Para peserta memberi penumpuan dalam aktiviti berkumpulan.



1

MUTIARA dan BERKAT **Cakna Kesihatan**

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman
Exco Media Kelab MUTIARA UMT

Kelab MUTIARA UMT meneruskan program menabur bakti kepada komuniti sekitar kampus UMT. Pada 27 April 2018, Kelab MUTIARA UMT dan Pusat Kesihatan UMT telah bekerjasama dengan Badan Kerja Amal Wanita Profesional Terengganu, Selangor dan Wilayah Persekutuan (BERKAT) serta Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kuala

Telemong telah menganjurkan Program Jom Cakna Sihat bersama Komuniti Warga Kuala Telemong. Program yang diadakan di Dewan Sivik Kuala Telemong, Hulu Terengganu disertakan oleh warga Kuala Telemong dari peringkat kanak-kanak hingga ke warga emas.

Program Jom Cakna Sihat ini diadakan dengan tujuan untuk merapatkan ukhuwah dalam



kalangan komuniti dengan warga universiti. Program awal pagi dimulakan dengan aktiviti senamrobik pimpinan Exco Kelab MUTIARA, Puan Rabiatul Adawiyah Hanim bersama dengan komuniti Kuala Telemong.

Turut hadir ialah Timbalan Pengerusi BERKAT, Puan Humairah Maiza Haji Mokhtar dan Pengerusi Kelab MUTIARA UMT, Prof. Madya Ts. Dr. Noraida Haji Ali. Majlis perasmian disempurnakan oleh Ketua Penyelia Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (I-Mits) Hulu Terengganu, Ustaz Harun Isa.

Pusat Kesihatan UMT mengambil bahagian dengan mengadakan pemeriksaan kesihatan am secara percuma kepada komuniti warga Telemong. Di samping itu, terdapat perkhidmatan pemeriksaan mata, gigi dan ENT secara percuma yang disediakan oleh Hospital Sultanah Nur Zahirah, Klinik Mata Hospital Shah Alam, Klinik Pergigian Hulu Terengganu dan Persatuan Optometris Malaysia.

Kelab MUTIARA UMT juga telah memberikan sumbangan hamper untuk cabutan bertuah dan acara pertandingan mewarna bagi kanak-kanak warga Kuala Telemong.

Menurut Pengerusi Kelab MUTIARA UMT, Prof. Madya Ts. Dr. Noraida Haji Ali, "Penglibatan Kelab MUTIARA dengan Program Jom Cakna ini merupakan salah satu aktiviti kerjasama kelab dengan BERKAT untuk memberikan khidmat sosial kepada warga Kuala Telemong."

Menurutnya lagi, penyertaan ini dapat mengeratkan lagi hubungan dengan NGO lain seperti BERKAT, Persatuan Anak-anak Terengganu (PESAT) dan badan NGO lain.

Selain tu, terdapat juga pameran STEM yang disertai oleh pelajar-pelajar Asasi STEM UMT dan pelbagai gerai jualan yang memeriahkan sambutan Program Cakna Sihat Warga Telemong.

1. Warga istimewa Kuala Telemong juga tidak ketinggalan menyertai Program Jom Cakna Sihat.

2. Salah seorang warga emas Kuala Telemong menjalankan pemeriksaan kesihatan.

Pelajar PPSTM Ungguli Hujah Spontan

oleh: Dr. Nurmahani Datuk Mohd Maidin, Dr. Faridah Yahya, Dr. Azizah Mahmood dan Dr. Mohamad Khairi Zainol
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan



2

Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM) telah menyertai Pertandingan Sains dan Teknologi Makanan Kebangsaan kali ke-11 yang dianjurkan oleh Fakulti Sains, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dengan kerjasama Institut Teknologi Makanan Malaysia (MIFT).

Pertandingan dwitahunan ini disertai oleh 16 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan program sains dan teknologi makanan di seluruh Malaysia.

Diadakan pada 6 dan 7 April 2019, PPSTM telah menghantar 28 orang peserta bagi setiap

kategori pertandingan iaitu seorang peserta pertandingan pembentangan lisan pelajar siswazah, dua orang peserta pembentangan poster pelajar siswazah, sepuluh orang peserta pertandingan pembangunan produk makanan, lapan orang peserta kuiz makanan (*food bowl quiz*), dan dua orang peserta pertandingan berhujah secara spontan (*oratory*).

Para peserta telah menjalani beberapa siri sesi latih tubi yang dipantau oleh semua pensyarah Program Sains Makanan, PPSTM sebagai persediaan untuk menyertai pertandingan ini. Hasilnya, Parithyi A/P Murali Tharan dinobatkan sebagai johan pertandingan berhujah secara



3

spontan dengan menewaskan 26 orang peserta yang lain. Beliau menyampaikan hujah selama 5 minit dengan mengangkat tajuk “*Obesity: Lifestyle of Genetic Factor*”.

Dalam pertandingan ini juga, PPSTM turut mempertaruhkan produk inovasi yang dikenali sebagai “*Sour Hot Bite*” iaitu sosej ayam berinti pes asam pedas bagi kategori pertandingan pembangunan produk makanan yang diadili oleh beberapa orang pihak industri makanan, pensyarah universiti dan juga wakil MIFT.

1. Produk inovasi UMT ‘*Sour Hot Bite*’: sosej ayam berinti pes asam pedas.
2. Peserta pertandingan pembangunan produk makanan di booth UMT.
3. Parithyi A/P Murali Tharan, UMT (tengah berbaju biru) johan bagi kategori ‘oratory’.



Kejohanan Sukan Inter Asasi **Pentas Lahirkan graduan seimbang**

oleh: Prof. Madya Dr. Laili Haji Che Rose
Pusat Asasi STEM

Kira-kira 1,000 pelajar asasi dan kolej matrikulasi seluruh negara telah menyertai Kejohanan Sukan Inter Asasi Universiti Awam peringkat kebangsaan kali ke-2, 2019 yang julung kali dianjurkan oleh Pusat Asasi UMT dan Pusat Asasi Sains Perubatan UniSZA selaku tuan rumah bersama.



Penganjuran kejohanan sukan ini diperkenalkan sebagai satu wadah jaringan kerjasama antara Pusat Asasi Universiti Awam (UA) seluruh negara dan kolej matrikulasi untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik dan kokurikulum seimbang selain bertindak sebagai medan mencungkil dan mengetengahkan bakat kesukaran dalam kalangan pelajar asasi dan matrikulasi.

Kejohanan yang berlangsung pada 23 hingga 26 Januari 2019 ini menyaksikan 10



kategori sukan yang dipertandingkan seperti renang, memanah, petanque, badminton, bola sepak, bola jaring, catur, boling padang, futsal dan bola tampar. Pelajar asasi STEM UMT turut mempamerkan aksi cemerlang dengan kejayaan meraih pingat dalam acara badminton dan boling padang.

Perasmian pembukaan kejohanan berlangsung di Dewan Sultan Mizan UMT telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia, Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, Prof. Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Ghazali yang mewakili Naib Canselor UMT.



Pembentangan oleh Naib Presiden, STU, Prof. Dr. Wenhua Liu pada sesi pembentangan IFOMSA 2019

UMT melalui Institut Akuakultur Tropika telah melakar sejarah apabila berjaya menganjurkan *International Forum on Marine Sciences and Aquaculture 2019* (IFOMSA 2019) kali ke-2 dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Malaysia dan Shantou University (STU), China dan diadakan di Universiti Malaysia Terengganu.

Penganjuran forum pada 3 Mac 2019 di UMT ini adalah rentetan daripada penganjuran kali pertama (IFOMSA 2018) yang telah diadakan di Shantou University, China pada 2018. IFOMSA menjadi platform bagi Saintis UMT dan STU untuk membentangkan, membincangkan dan berkongsi penyelidikan, penemuan dan pengalaman berkaitan dalam bidang Sains Marin dan Akuakultur.

IFOMSA 2019 telah menampilkan 12 pembentang dan dihadiri oleh para penyedik serta pelajar pasca siswazah UMT dalam bidang Sains Marin dan Akuakultur. Pihak STU dan UMT

IFOMSA 2019

Rungkai Amalan Akuakultur Mampan

oleh: Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin Abdullah
Rohisyamuddin Othman
Institut Akuakultur Tropika

masing-masing menampilkan 6 pembentang dengan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan penemuan hasil kajian dan isu-isu semasa berkaitan Sains Marin dan Akuakultur.

Resolusi dari forum ini akan digunakan untuk meningkatkan pendidikan, penyelidikan, dan mengembangkan lebih banyak peluang untuk terus membangunkan sektor marin dan akuakultur dalam memelihara kepelbagaian alam sekitar dan pengurusan akuakultur ke arah amalan akuakultur yang mampan pada masa akan datang.

IFOMSA 2019 telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMT, Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai utama universiti. Di akhir forum ini juga telah diadakan satu sesi perbincangan antara UMT dan STU bagi membincangkan skop kerjasama penyelidikan dan kerjasama baharu yang akan diketengahkan pada masa hadapan antara kedua-dua institusi.

— RENUNGAN —

KEBAIKAN VS DOSA


Daripada an-Nawwas bin Sim'an al-Ansari RA, beliau berkata: "Aku pernah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang erti kebaikan dan dosa." Maka Rasulullah SAW bersabda: "Kebaikan adalah akhlak yang baik. Manakala dosa adalah sesuatu yang membuat hati gementar dan bimbang serta kamu tidak suka orang lain mengetahuinya."

(Hadis riwayat Muslim, No: 2553, at-Tirmizi, No: 2389, Ahmad, No: 16973).

Fitrah manusia adalah mahu mendapat kebaikan dan menjadi individu yang baik kerana itulah akhlak yang baik. Dari aspek teori, menjadi baik tidaklah sukar kerana kebaikan itu adalah dengan mentaati segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Hati yang tenang adalah jiwa yang memiliki nur (cahaya) sehingga dapat membezakan antara perkara yang benar dan salah, perkara yang jujur dan yang bohong, perkara yang terpuji dan tercela, kerana itulah petunjuk yang datang daripada jiwa seseorang yang sentiasa melakukan kebaikan.

Manusia fitrahnya suka melakukan kebaikan dan kebenaran. Melakukannya akan menyebabkan hati tenang. Manakala perkara dosa pula menggementarkan hati. Apabila melakukan dosa, hati akan sentiasa berada dalam keadaan ketakutan, berdebar-debar, resah gelisah, cemas, bimbang dilihat atau diketahui oleh orang lain.




Aplikasi Asas SmartPLS dalam Kajian Sains Sosial - Edisi Kedua

Pengarang:
Azwadi Ali

ISBN: 978-967-2238-85-0

Tahun: 2019



Penyelidikan Saintifik Sains Sosial

Pengarang:
**Nur Azura Sanusi
Mohamad Shukri Johari
Jaharudin Padli**

ISBN: 978-967-2238-52-2

Tahun: 2019




Etnik Cina Asal Sengsara Kini Selesa

Pengarang:
**Ruzaini Sulaiman @ Abd Rahim
Kamaruzaman Yusoff**

ISBN: 978-967-2200-81-9

Tahun: 2019




Inovasi Sosial Komuniti Nelayan Mersing

Penyunting:
**Nor Hayati Sa'at
Nur Azura Sanusi
Mohd Fikri Mohamad**

ISBN: 978-967-2238-81-2

Tahun: 2019




Bahasa Mandarin III

Pengarang:
Nurul Ain Chua Abdullah

ISBN: 978-967-2238-53-9

Tahun: 2019



Pembangunan Usahawan Tradisional Komuniti Semaq Beri (CD)

Pengarang:
**Muhammad Abi Sofian Abdul Halim
Khatijah Omar
Norhayati Ab Manaf**

eISBN: 978-967-2238-42-3

Tahun: 2019



The Contribution of Line Management in HRM (CD)

Pengarang:
**Nik Hazimah Nik Mat
Intan Nur Fatin Abdul Rani**

eISBN: 978-967-2238-49-2

Tahun: 2019



Kajian dan Isu Terkini Pertanian (CD)

Penyunting:
**Shamsul Bahri Abd Razak
Nur Aida Hashim
NG Lee Chuen
Andrew A. Ngadin**

eISBN: 978-967-2238-43-0

Tahun: 2019